

PENDIDIKAN VOKASIONAL DALAM KALANGAN MURID BERMASALAH PENDENGARAN DI SEKOLAH MENENGAH PENDIDIKAN KHAS VOKASIONAL

Asnul Dahar Bin Minghat^a
Fakulti Pendidikan,
Universiti Teknologi Malaysia

Siti Azwanee binti Abdullah^b
Fakulti Pendidikan,
Universiti Teknologi Malaysia

asnul@utm.my^a, azwanee_ct@yahoo.com^b

ABSTRAK

Pendidikan vokasional adalah merupakan salah satu usaha untuk mengembangkan keupayaan golongan murid berkeperluan khas sebagai persediaan ke alam pekerjaan. Pendidikan yang diikuti mereka ini adalah selama 2 tahun bagi mendapatkan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) yang ditauliahkan dan diperakui oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK). Oleh itu, kajian deskriptif ini dijalankan adalah bertujuan untuk mengenalpasti tahap minat murid bermasalah pendengaran terhadap pendidikan vokasional yang dijalankan, tahap kesedaran murid bermasalah pendengaran terhadap kepentingan pendidikan vokasional yang dijalankan dalam menentukan masa hadapan mereka, tahap keyakinan murid bermasalah pendengaran terhadap pendidikan vokasional yang dijalankan untuk diaplikasikan dalam kerjaya dan juga tahap kemudahan yang disediakan dalam mengikuti pendidikan vokasional. Sampel kajian melibatkan 127 orang murid bermasalah pendengaran yang mengambil Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) di Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional di Malaysia. Instrumen kajian adalah dengan menggunakan set soal selidik berskala likert. Nilai kebolehpercayaan item soal selidik adalah $\alpha = 0.934$. Data kajian dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package For Social Science (SPSS)* versi 16.0 untuk mendapatkan kekerapan, peratusan dan min. Dapatan kajian menunjukkan faktor minat (min = 3.54), faktor kesedaran terhadap kepentingan pendidikan vokasional (min = 3.55), faktor keyakinan murid terhadap pendidikan vokasional untuk diaplikasikan dalam kerjaya (min=3.49) dan faktor kemudahan yang disediakan (min = 3.48) berada pada tahap sederhana.

Katakunci : Pendidikan Khas, Pendidikan Vokasional, Masalah Pendengaran

1. PENGENALAN

Pendidikan adalah hak asasi semua manusia dan dari segi falsafahnya, semua insan di dunia ini mempunyai hak untuk belajar dan mengetahui sesuatu yang baru (Nurul Hariza, 2012). Setiap murid di negara kita mempunyai peluang yang sama untuk mendapat pendidikan termasuklah juga untuk golongan Orang Kurang Upaya. Orang Kurang Upaya (OKU) merujuk kepada orang yang mengalami keterbatasan mobilisasinya merujuk kepada jenis kecacatannya sama ada fizikal (anggota), mental (ringan, sederhana ataupun berat), penglihatan dan pendengaran (Rosmawati, 2008).

Golongan OKU secara umumnya dapat dikategorikan kepada dua kumpulan utama iaitu kelainan upaya secara kekal dan kelainan upaya secara sementara. Kelainan upaya secara kekal ialah golongan yang cacat anggota, cacat pendengaran, cacat penglihatan dan warga tua. Manakala individu yang cedera, sakit dan mengandung pula dikategorikan sebagai kelainan upaya secara sementara. Individu kurang upaya ini mempunyai minat, hasrat dan cita-cita yang setanding dengan individu normal. Golongan ini perlu diberikan peluang yang sama dengan individu normal yang lain supaya mereka tidak tersisih daripada arus pembelajaran nasional kerana ada dalam kalangan mereka mempunyai kecerdasan kognitif yang setanding dengan individu yang sempurna malah mereka mampu melebihi pencapaian murid yang normal (Lokman *et al.*, 2009). Mereka ini perlu diberi perhatian dan galakan